

Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Muamalat dan Implikasinya dalam Kalangan Pelajar IPT

BITARA

Volume 8, Issue 3, 2025: 182-194
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 20 July 2025
Accepted: 13 August 2025
Published: 4 September 2025

[Teaching and Learning Arabic for Muamalat and Its Implications among Students in HEI's]

Ahmad Farid Fadhli Mustafa,^{1*} Nor Yazidah Yahya,² Wazin Man @ Othman³
& Mohd Yahya Mohd Hussin⁴

- 1 Pusat Bahasa dan Pengajian Asasi, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000 Kuala Kangsar, Perak, MALAYSIA.
E-mail: farid@usas.edu.my
- 2 Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA.
E-mail: yazidah@fbk.upsi.edu.my
- 3 Islamic Business Studies (IBS), Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, MALAYSIA.
E-mail: wazin@uum.edu.my
- 4 Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA.
E-mail: yahya@fpe.upsi.edu.my

*Corresponding Author: farid@usas.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap kefahaman pelajar terhadap istilah dan konsep muamalat dalam bahasa Arab dan melihat impak pembelajaran terhadap pelajar dalam menggunakan bahasa Arab dalam konteks kewangan Islam di IPT Malaysia. Pendekatan kuantitatif telah digunakan melalui soal selidik dalam talian menerusi *Google Form* yang diedarkan kepada pelajar yang mengikuti kursus bahasa Arab muamalat. Seramai 75 orang responden telah dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai latar belakang dalam pembelajaran bahasa Arab dan memberikan persepsi positif terhadap pendekatan pengajaran yang digunakan khususnya dari segi kepelbagaian kaedah dan penyesuaian mengikut tahap penguasaan pelajar. Dari aspek pedagogi pula, tahap persetujuan yang tinggi dicatatkan terhadap kejelasan penyampaian konsep oleh pensyarah (97.3%) dan suasana pembelajaran yang interaktif (92%). Dari sudut impak pembelajaran, majoriti pelajar melaporkan kursus bahasa Arab meningkatkan kefahaman istilah muamalat (81.4%) serta keupayaan membezakan istilah yang berkaitan (78.6%). Kajian ini mencadangkan agar tenaga pengajar terus mempertingkatkan kepelbagaian kaedah pengajaran serta menghubungkan kandungan dengan realiti sebenar dalam kewangan Islam.

Kata kunci: Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab, Muamalat

Abstract

This study aims to assess students' understanding of Arabic terms and concepts related to muamalat and to examine the impact of learning on their ability to use Arabic within the context of Islamic finance at higher education institutions in Malaysia. A quantitative approach was employed through the distribution of an online questionnaire via *Google Forms*, targeting students enrolled in Arabic muamalat courses. A total of 75 respondents were selected using purposive sampling. Findings indicate that the majority of students have a background in Arabic language learning and hold positive perceptions of the teaching approaches used, particularly in terms of methodological diversity and adaptation to students' proficiency levels. From a pedagogical perspective, a high level of agreement was recorded regarding the clarity of concept explanation by lecturers (97.3%) and the creation of an interactive learning environment (92%). In terms of learning impact, most students reported that the course enhanced their understanding of muamalat terminology (81.4%) and improved their ability to

distinguish between related terms (78.6%). This study recommends that instructors continue to enhance the diversity of teaching methods and link the content to real-world realities in Islamic finance.

Keywords: Arabic Language Teaching and Learning, Muamalat.



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Ahmad Farid Fadhli Mustafa, Nor Yazidah Yahya, Wazin Man @ Othman & Mohd Yahya Mohd Hussin. (2025). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Muamalat dan Implikasinya dalam Kalangan Pelajar IPT [Teaching and Learning Arabic for Muamalat and Its Implications among Students in HEI's]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(3): 182-194.

Pengenalan

Bahasa Arab kekal sebagai salah satu bahasa utama di peringkat global, bukan sahaja kerana kedudukannya sebagai bahasa al-Quran (Munawar & Philip. 2005), tetapi juga disebabkan kepentingannya yang semakin meluas dalam sektor ekonomi, perundangan dan pendidikan (Agus Arwani Yusuf, 2017). Seiring dengan peningkatan hubungan antarabangsa dengan negara-negara Timur Tengah dan majoriti Muslim, penguasaan bahasa Arab menjadi semakin penting, khususnya dalam bidang kewangan Islam, perdagangan global dan juga diplomasi (Venardos, 2012; Siti Fatimah & Zamri, 2023). Dalam konteks ini, bidang muamalat yang mengatur perkara urus niaga berpandukan prinsip Syariah menuntut kefahaman mendalam terhadap bahasa Arab agar pelajar dapat mentafsir dan mengaplikasikan prinsip-prinsip tersebut secara tepat dalam pelbagai konteks kewangan Islam (Roshimi et al., 2022). Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa ayat 29 yang menekankan prinsip keadilan dalam muamalat Islam:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا
أَنْفُسَكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu” (Surah An-Nisa, 4:29)

Roshimi Abdullah et al., (2022) menyatakan bahawa kepentingan bahasa Arab muamalat terletak pada peranannya sebagai bahasa utama perundangan Islam dan teks kewangan termasuk karya klasik dan kontemporari. Penguasaan bahasa Arab bukan sahaja meningkatkan keupayaan pelajar untuk memahami rujukan teras (Abdul Razif et al., 2019) seperti Fiqh al-Muamalat dan Usul al-Fiqh, tetapi juga memperkasakan mereka untuk terlibat

dengan industri kewangan Islam global. Justeru pengajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus (ASP) untuk muamalat adalah kritikal bagi menyediakan graduan yang kompeten (Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM, 2021) dalam sektor kewangan Islam.

Di Malaysia, kursus bahasa Arab di IPT secara tradisinya tertumpu kepada tatabahasa dan pemahaman umum (Zamri et al., 2012). Walau bagaimanapun, Mohssen (2017) menyatakan bahawa bahasa Arab perlu disesuaikan dengan disiplin tertentu seperti bidang muamalat yang telah berkembang dengan ketara berikutan komitmen Malaysia untuk menjadi hab kewangan Islam global. Pelbagai IPT telah mula menawarkan kursus bahasa Arab muamalat, tetapi pelaksanaannya dan reka bentuk kurikulum dan hasil pembelajarannya berbeza-beza (Muhammad Muthi'ul Haqq & Abdulrasheed, 2024).

Walaupun minat terhadap kewangan Islam semakin meningkat, masih terdapat kekurangan berkaitan bagaimana bahasa Arab muamalat diajar dan sejauh mana keberkesannya dalam mencapai objektif (Ahmad Farid & Muhammad Anas, 2020). Kajian-kajian terdahulu sering memfokuskan kepada penguasaan bahasa Arab linguistik (Mukmin et al., 2025) atau bahasa Arab untuk pengajian agama tanpa memberi perhatian yang sewajarnya kepada tuntutan bidang muamalat seperti penggunaan istilah, tafsiran teks dan lain-lain (Lazim et al., 2015; Rohmad et al., 2024).

Beberapa pengkaji seperti Nor Zahidah dan Muhammad Anas (2019) serta Kisno Umbar et al. (2019) telah meneroka penggunaan bahasa Arab untuk tujuan khusus (ASP) dengan menekankan keperluan penjajaran kurikulum selaras dengan kehendak industri. Sementara itu, Ahmad Farid et al. (2019) mengkaji cabaran yang dihadapi pelajar dalam memahami teks Arab berkaitan muamalat termasuk kesesuaian kandungan topik dan pengetahuan latar belakang pelajar. Walau bagaimanapun, kajian yang memberi tumpuan kepada pendekatan pedagogi serta implikasi pengajaran dalam konteks dunia sebenar masih belum dilakukan.

Terdapat keperluan untuk menilai bagaimana bahasa Arab muamalat diajar di IPT dan untuk memahami kesannya terhadap kesediaan pelajar untuk kerjaya dalam kewangan Islam. Kajian ini akan melihat pengalaman pelajar, keberkesanan kaedah pengajaran dan kaitan bahan pengajaran yang akan memberikan pandangan yang berharga untuk pendidik, penggubal dasar dan penggubal kurikulum.

Oleh yang demikian, kajian ini akan meneroka pelaksanaan kursus bahasa Arab muamalat dan implikasinya terhadap keberhasilan pelajar. Kajian ini akan menilai sejauh mana amalan pengajaran semasa sejajar dengan keperluan linguistik dan profesional pelajar dalam program kewangan Islam.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan bagi menilai persepsi pelajar terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab muamalat di IPT. Pendekatan ini sesuai untuk mengumpul data secara sistematik bagi membolehkan dapatan dianalisis secara statistik.

Kajian ini menggunakan soal selidik atas talian yang dibangunkan dengan Google Forms. Soal selidik ini mengandungi beberapa bahagian iaitu Bahagian A, maklumat

demografi, Bahagian B, persepsi terhadap kaedah pembelajaran bahasa Arab muamalat dan Bahagian C, impak pembelajaran bahasa Arab muamalat. Instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian ini merangkumi Skala Likert bagi mengukur tahap persetujuan responden terhadap dua bahagian utama iaitu Bahagian B: persepsi terhadap kaedah pembelajaran bahasa Arab muamalat dan Bahagian C: impak pembelajaran bahasa Arab muamalat. Susunan skala penilaian adalah seperti berikut:

Jadual 1: Skala Penilaian

SKALA PENILAIAN	
1 =	Sangat Tidak Setuju
2 =	Tidak Setuju
3 =	Tidak Pasti
4 =	Setuju
5 =	Sangat Setuju

Responden adalah terdiri daripada pelajar IPT yang sedang mengikuti kursus berkaitan bahasa Arab muamalat. Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) bagi memastikan hanya pelajar yang terlibat dalam kursus berkenaan sahaja terpilih. Seramai 75 pelajar telah menyertai kajian ini.

Data dikumpulkan secara atas talian melalui pengedaran pautan soal selidik *Google Forms* kepada pensyarah kursus untuk diedarkan kepada pelajar sasaran. Pengumpulan data dijalankan selama dua minggu. Data dalam kajian ini dianalisis secara deskriptif menggunakan kekerapan dan peratusan bagi menilai tahap kefahaman pelajar serta keberkesanan pengajaran yang diterima. Dapatan daripada analisis ini digunakan untuk mengenal pasti aspek-aspek yang perlu ditambah baik dalam pengajaran bahasa Arab Muamalat di IPT.

Dapatan Kajian

Bahagian A: Maklumat Demografi

Bahagian ini akan memfokuskan kepada latar belakang responden yang terlibat dalam kajian, termasuk IPT, program pengajian dan pengalaman pembelajaran bahasa Arab. Analisis terhadap maklumat demografi ini penting bagi memberikan gambaran awal tentang konteks pelajar yang mengikuti kursus bahasa Arab muamalat serta membantu dalam mentafsir dapatan kajian berdasarkan variasi latar belakang mereka.

Jantina

Dapatan menunjukkan majoriti responden terdiri daripada pelajar perempuan iaitu seramai 48 orang (64%), manakala pelajar lelaki seramai 27 orang (36%). Ini mencerminkan trend lazim dalam penglibatan pelajar di IPT, di mana pelajar perempuan sering kali menunjukkan minat yang lebih tinggi terhadap pembelajaran.

IPT

Dapatan menunjukkan responden kajian ini terdiri daripada pelajar dari tiga buah IPT iaitu Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) 29 orang (38.7%), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) 23 orang (30.7%) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) juga 23 orang (30.7%). Jumlah responden yang hampir seimbang dari UPSI dan UUM menunjukkan tahap penyertaan yang baik daripada pelajar kedua-dua IPT tersebut. Namun begitu, USAS mencatatkan bilangan responden yang sedikit lebih tinggi. Perbezaan ini berkemungkinan berpunca daripada penawaran kursus Bahasa Arab Muamalat di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang lebih meluas di USAS berbanding IPT lain yang hanya menawarkan kursus di peringkat Ijazah Sarjana Muda sahaja. Secara keseluruhannya, taburan demografi ini memberikan gambaran awal tentang latar belakang responden yang terlibat, sekali gus menjadi asas penting dalam memahami dapatan kajian berkenaan tahap kefahaman dan penguasaan bahasa Arab muamalat dalam kalangan pelajar IPT.

Tahap Pendidikan Terkini

Dapatan menunjukkan majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda iaitu seramai 48 orang (64%) daripada jumlah keseluruhan responden. Manakala selebihnya 27 orang (36%) merupakan pelajar di peringkat Diploma. Dapatan ini juga menunjukkan pembelajaran Bahasa Arab Muamalat di IPT lebih banyak melibatkan pelajar di peringkat ijazah secara umumnya kerana mempunyai latar belakang akademik dan kematangan pemikiran yang lebih tinggi. Ini memungkinkan mereka memahami konsep dan istilah muamalat dalam Bahasa Arab dengan lebih mendalam, selaras dengan tahap pembelajaran yang lebih kompleks di peringkat tersebut.

Program Pengajian

Dapatan menunjukkan responden yang terlibat terdiri daripada pelbagai latar belakang program pengajian di IPT. Majoriti responden iaitu seramai 38 orang (50.7%), mengikuti program berkaitan perbankan atau kewangan Islam. Selain itu, seramai 21 orang responden (28%) merupakan pelajar dalam program pengurusan muamalat dan perniagaan. Ini juga sejajar dengan keperluan untuk memahami bahasa Arab muamalat kerana bidang ini turut melibatkan urusan transaksi, akad dan prinsip syariah yang berkait rapat dengan teks-teks berkaitan muamalat. Sementara itu, terdapat juga 16 orang responden (21.3%) daripada program-program lain termasuk bidang Multimedia Dakwah dan sebagainya.

Pembelajaran Bahasa Arab

Dapatan menunjukkan majoriti responden iaitu 68 orang (90.7%) pernah mempelajari bahasa Arab, manakala hanya 7 orang (9.3%) tidak mempunyai pengalaman dalam pembelajaran bahasa Arab. Peratusan yang tinggi ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar di IPT yang terlibat dalam kajian ini sudah mempunyai asas dalam bahasa Arab.

Dapatan kajian ini menunjukkan majoriti responden terdiri daripada pelajar perempuan (64%), pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda (64%) dan mereka yang mempunyai latar belakang pembelajaran bahasa Arab (90.7%). Kesemua responden adalah dari tiga buah IPT dengan penyertaan tertinggi adalah dari USAS (38.7%) diikuti oleh UPSI dan UUM (masing-masing 30.7%). Dari segi program pengajian, separuh daripada responden mengikuti program berkaitan perbankan atau kewangan Islam, manakala selebihnya terdiri daripada pelajar pengurusan muamalat, perniagaan dan bidang lain. Taburan demografi ini menunjukkan bahawa kajian ini melibatkan kumpulan pelajar yang relevan dan berpengetahuan asas dalam bahasa Arab, sekali gus memberikan kredibiliti terhadap dapatan kajian berkaitan penguasaan istilah muamalat dalam bahasa Arab.

Bahagian B: Persepsi Terhadap Kaedah Pembelajaran Bahasa Arab Muamalat

Bahagian ini akan meneliti persepsi pelajar terhadap kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah dalam kursus bahasa Arab muamalat. Penilaian ini merangkumi aspek seperti keberkesanan penyampaian, penggunaan contoh-contoh yang relevan, kepelbagaian kaedah pengajaran serta keterlibatan pelajar dalam sesi pembelajaran. Persepsi pelajar merupakan indikator penting dalam menilai tahap keberkesanan pedagogi dan kesesuaian pendekatan pengajaran yang digunakan di IPT.

Jadual 2: Persepsi Terhadap Kaedah Pembelajaran BAM

BIL	PERKARA		STS	TS	TP	S	SS
1.	Pensyarah menerangkan istilah dan konsep Muamalat dalam bahasa Arab secara jelas dan terperinci.	<i>n</i>	-	1	1	34	39
		%	0	1.3	1.3	45.3	52
2.	Pensyarah menggunakan contoh-contoh sebenar dalam bidang kewangan Islam untuk mengukuhkan kefahaman pelajar.	<i>n</i>	1	1	10	32	31
		%	1.3	1.3	13.3	42.7	41.3
3.	Pensyarah menggunakan kaedah pengajaran bahasa Arab yang pelbagai dan menarik perhatian pelajar.	<i>n</i>	-	3	9	33	30
		%	0	4	12	44	40
4.	Pensyarah menyesuaikan kaedah pengajaran mengikut tahap penguasaan bahasa Arab pelajar.	<i>n</i>	2	1	7	40	25
		%	2.7	1.3	9.3	53.3	33.3
5.	Pensyarah memberi ruang kepada pelajar untuk bertanya dan menyuarakan pendapat semasa sesi pembelajaran.	<i>n</i>	-	-	6	32	37
		%	0	0	8	42.7	49.3

Dapatan B1 menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dengan 97.3% bersetuju atau sangat bersetuju bahawa pensyarah menerangkan istilah dan konsep muamalat dalam bahasa Arab dengan jelas dan terperinci. Hanya 2.6% responden tidak pasti atau tidak bersetuju, manakala tiada responden yang sangat tidak bersetuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa penyampaian pengajaran oleh pensyarah berada pada tahap yang memuaskan. Hal ini amat penting kerana kefahaman terhadap istilah teknikal dan konteks syariah yang tepat merupakan asas utama dalam penguasaan bahasa Arab muamalat.

Dapatan B2 pula menunjukkan bahawa sebanyak 84% responden bersetuju atau sangat bersetuju bahawa pensyarah menggunakan contoh-contoh sebenar dalam bidang kewangan Islam bagi mengukuhkan kefahaman pelajar. Peratusan ini mencerminkan keberkesanan pendekatan dalam pengajaran bahasa Arab muamalat. Sebaliknya, hanya 2.6% responden tidak bersetuju atau sangat tidak bersetuju, manakala 13.3% berada pada tahap tidak pasti. Dapatan ini secara keseluruhan menunjukkan penerimaan positif terhadap kaedah pengajaran yang bersifat pengaplikasian terutamanya dalam usaha menghubungkan teori dengan amalan sebenar dalam industri berkaitan muamalat dan kewangan Islam.

Seterusnya dapatan B3 menunjukkan 84% responden bersetuju atau sangat bersetuju bahawa pensyarah menggunakan kaedah pengajaran bahasa Arab yang pelbagai dan menarik perhatian pelajar. Dapatan ini mencerminkan pendekatan pengajaran yang dinamik dan mampu mengekalkan minat pelajar dalam mempelajari bahasa Arab muamalat. Hanya 4% responden tidak bersetuju, manakala 12% berada pada tahap tidak pasti. Secara keseluruhan, kepelbagaian

kaedah pengajaran memainkan peranan penting bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran khususnya dalam konteks pengajaran bahasa yang berkait rapat dengan bidang profesional. Pendekatan ini bukan sahaja membantu memastikan sesi pembelajaran kekal interaktif dan tidak membosankan, tetapi juga memenuhi keperluan pelajar dengan pelbagai gaya dalam pembelajaran.

Dapatan B4 menunjukkan sebanyak 86.6% responden bersetuju atau sangat bersetuju bahawa pensyarah boleh menyesuaikan kaedah pengajaran mengikut tahap penguasaan bahasa Arab pelajar. Ini menggambarkan kesedaran dan keupayaan pensyarah untuk memberi perhatian terhadap kepelbagaian tahap penguasaan pelajar, sekaligus membantu mengelakkan pelajar yang lemah ketinggalan dalam pembelajaran. Sebaliknya, hanya 4% responden tidak bersetuju, manakala 9.3% tidak pasti terhadap aspek ini. Secara keseluruhan, penyesuaian kaedah pengajaran berdasarkan tahap penguasaan bahasa pelajar dilihat sebagai satu pendekatan yang penting dalam memastikan keberkesanan pengajaran dan penyertaan aktif pelajar dalam proses pembelajaran bahasa Arab muamalat.

Dapatan B5 menunjukkan bahawa 92% responden bersetuju atau sangat bersetuju bahawa pensyarah memberi ruang kepada pelajar untuk bertanya dan menyuarakan pendapat semasa sesi pembelajaran. Hanya 8% berada pada tahap tidak pasti, manakala tiada responden yang tidak bersetuju. Dapatan ini mencerminkan suasana pengajaran yang bersifat terbuka dan interaktif yang mendorong pembelajaran aktif serta membantu membina keyakinan pelajar dalam menggunakan bahasa Arab muamalat. Pendekatan ini juga dapat membantu pelajar mengatasi halangan komunikasi, sekaligus meningkatkan keberanian mereka untuk berinteraksi dalam bahasa yang sedang dipelajari.

Dapatan-dapatan ini menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran oleh pensyarah dalam kursus bahasa Arab muamalat adalah sangat berkesan dan diterima baik oleh pelajar. Pensyarah dilihat berjaya menyampaikan istilah dan konsep muamalat dengan jelas (97.3%), menggunakan contoh sebenar dalam kewangan Islam (84%) serta menerapkan kaedah pengajaran yang pelbagai dan menarik (84%). Tambahan pula, kebolehan pensyarah menyesuaikan kaedah mengikut tahap pelajar (86.6%) dan mewujudkan suasana pembelajaran yang terbuka serta interaktif (92%) turut menyumbang kepada keberkesanan keseluruhan kursus. Dapatan ini mencerminkan pendekatan pedagogi yang relevan dan menyokong pembelajaran aktif dalam bidang muamalat berasaskan bahasa Arab.

Bahagian C: Impak Pembelajaran Bahasa Arab Muamalat

Bahagian ini akan menilai sejauh mana kursus bahasa Arab muamalat memberi kesan terhadap penguasaan pelajar dalam aspek kefahaman, komunikasi dan aplikasi istilah-istilah berkaitan muamalat. Penilaian ini membantu menentukan keberkesanan pembelajaran serta mengenal pasti tahap pencapaian responden dalam kalangan pelajar selepas mengikuti kursus tersebut.

Jadual 3: Impak Pembelajaran BAM

BIL	PERKARA		STS	TS	TP	S	SS
1.	Saya dapat memahami maksud dan penggunaan istilah muamalat dalam bahasa Arab selepas mengikuti kursus ini.	<i>n</i>	1	1	12	35	26
		%	1.3	1.3	16	46.7	34.7
2.	Saya dapat menjelaskan konsep-konsep asas Muamalat dengan menggunakan bahasa Arab yang betul.	<i>n</i>	3	1	17	35	19
		%	4	1.3	22.7	46.7	25.3
3.	Saya mampu menulis atau menterjemah dokumen mudah berkaitan muamalat dalam bahasa Arab.	<i>n</i>	2	5	21	32	15
		%	2.7	6.7	28	42.7	20
4.	Saya dapat mengenal pasti istilah fiqh muamalat dalam ayat-ayat al-Quran dan teks rujukan.	<i>n</i>	1	3	13	36	22
		%	1.3	4	17.3	48	29.3
5.	Saya dapat mengenal pasti perbezaan istilah muamalat yang hampir sama dalam teks Arab.	<i>n</i>	1	1	14	40	19
		%	1.3	1.3	18.7	53.3	25.3

Dapatan C1 menunjukkan bahawa majoriti responden berasa yakin dengan keupayaan mereka untuk memahami makna dan penggunaan istilah muamalat dalam bahasa Arab selepas menamatkan kursus. Sebanyak 46.7% (n=35) responden yang dipilih setuju, manakala 34.7% (n=26) yang dipilih sangat setuju. Ini bermakna 81.4% responden menunjukkan tahap persetujuan yang positif terhadap pernyataan tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa kursus ini berkesan dalam membantu pelajar memahami istilah dan konsep penting yang berkaitan dengan muamalat dalam bahasa Arab. Hanya sebilangan kecil responden menyatakan tidak setuju dengan 1.3% (n=1) memilih tidak setuju dan 1.3% lagi (n=1) memilih sangat tidak setuju. Sementara itu, 16.0% (n=12) responden memilih tidak pasti, menunjukkan tahap ketidakpastian tentang pemahaman mereka tentang istilah muamalat dalam bahasa Arab.

Dapatan C2 menunjukkan bahawa majoriti responden melaporkan keyakinan terhadap keupayaan mereka untuk menerangkan konsep asas muamalat menggunakan bahasa Arab yang betul selepas menamatkan kursus. Sebanyak 46.7% (n=35) responden yang dipilih bersetuju, manakala 25.3% (n=19) memilih sangat setuju. Ini bermakna 72.0% responden menyatakan tahap persetujuan yang positif terhadap pernyataan tersebut. Sementara itu, 22.7% (n=17) daripada responden memilih tidak pasti, menunjukkan tahap ketidakpastian berkaitan konsep atau prinsip muamalat dengan tepat dalam bahasa Arab. Sebilangan kecil responden menunjukkan tidak setuju dengan 4.0% (n=3) memilih tidak setuju dan 1.3% (n=1) memilih sangat tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa kursus ini telah berjaya menerangkan konsep asas muamalat menggunakan bahasa Arab.

Dapatan C3 menunjukkan majoriti responden menyatakan keyakinan terhadap kebolehan mereka menulis atau menterjemah dokumen mudah berkaitan muamalat dalam bahasa Arab. Sebanyak 42.7% (n=32) responden yang dipilih setuju, manakala 20.0% (n=15) yang dipilih sangat setuju. Ini bermakna 62.7% pelajar menunjukkan tahap persetujuan yang positif dengan pernyataan tersebut. Walau bagaimanapun, 28.0% (n=21) responden menyatakan tidak pasti dan ia menunjukkan tahap ketidakpastian tentang kemampuan sebenar mereka untuk melaksanakan tugas tersebut. Hanya 9.4% responden menunjukkan respons negatif, dengan 6.7% (n=5) memilih tidak setuju dan 2.7% (n=2) memilih sangat tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun kebanyakan responden dalam kalangan pelajar merasakan bahawa kursus itu telah melengkapkan mereka dengan kemampuan untuk menulis atau menterjemah dokumen asas berkaitan muamalat dalam bahasa Arab, sebilangan besar masih tidak pasti tentang kecakapan mereka.

Dapatan C4 menunjukkan bahawa majoriti responden berasa yakin dengan kemampuan mereka untuk mengenal pasti istilah fiqh muamalat dalam ayat-ayat al-Quran dan teks rujukan. Sebanyak 48.0% (n=36) responden yang dipilih setuju, manakala 29.3% (n=22) yang dipilih sangat setuju, menunjukkan bahawa 77.3% responden memberi respons positif terhadap pernyataan tersebut. Sementara itu, 17.3% (n=13) memilih tidak pasti, mencerminkan beberapa ketidakpastian dalam mengiktiraf istilah undang-undang berkaitan Muamalat dalam teks agama dan akademik. Peratusan kecil responden menyatakan tidak setuju dengan 4.0% (n=3) memilih tidak setuju dan 1.3% (n=1) memilih sangat tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa kursus ini berkesan dalam melengkapkan pelajar dengan kemampuan untuk mengenal pasti terminologi atau istilah muamalat utama dalam al-Quran dan bahan rujukan.

Dapatan C5 menunjukkan bahawa majoriti responden yakin dengan kemampuan mereka untuk membezakan antara istilah muamalat yang serupa dalam teks Arab. Sebanyak 53.3% (n=40) responden yang dipilih setuju, manakala 25.3% (n=19) yang dipilih sangat setuju. Ini menjadikan jumlah respons positif kepada 78.6%, mencerminkan tahap keyakinan yang tinggi dalam kalangan pelajar. Selain itu, 18.7% (n=14) responden memilih tidak pasti, menunjukkan beberapa ketidakpastian dalam membezakan antara istilah berkait rapat yang digunakan dalam konteks muamalat. Sangat sedikit responden tidak bersetuju dengan hanya 1.3% (n=1) memilih tidak setuju dan 1.3% lagi (n=1) memilih sangat tidak setuju. Ini menunjukkan kursus ini telah berjaya meningkatkan kemampuan pelajar bagi mengenali dan membezakan istilah muamalat dalam dokumentasi dan teks Arab.

Dapatan-dapatan ini menunjukkan bahawa kursus bahasa Arab muamalat berjaya meningkatkan keyakinan pelajar dalam memahami, menerangkan, menulis, mengenal pasti dan membezakan istilah berkaitan muamalat dalam bahasa Arab. Majoriti responden memberikan respons positif terhadap keberkesanan kursus ini dengan peratusan persetujuan melebihi 60% bagi setiap komponen yang dinilai. Walaupun terdapat sebilangan kecil responden yang tidak pasti atau tidak bersetuju, namun tahap keyakinan pelajar secara umum adalah tinggi. Ini menunjukkan keberkesanan pendekatan pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar di ketiga-tiga IPT ini. Kursus ini dilihat berupaya melengkapkan pelajar dengan kemahiran bahasa Arab yang relevan untuk diaplikasikan dalam bidang kewangan Islam.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa kursus bahasa Arab muamalat yang ditawarkan di IPT berjaya meningkatkan tahap kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap istilah dan konsep muamalat dalam bahasa Arab. Majoriti responden merupakan pelajar perempuan dan mempunyai latar belakang pembelajaran bahasa Arab.

Dapatan juga menunjukkan bahawa pensyarah memainkan peranan penting dalam pembelajaran dengan tahap persetujuan yang tinggi terhadap kaedah pengajaran yang jelas, interaktif dan disesuaikan mengikut tahap pelajar. Penggunaan contoh sebenar dan kepelbagaian pendekatan turut membantu pelajar memahami konsep muamalat secara lebih mendalam dan praktikal.

Dari sudut penguasaan pelajar, majoriti responden menunjukkan keyakinan terhadap keupayaan mereka memahami, menerangkan, menulis, mengenal pasti dan membezakan istilah muamalat dalam bahasa Arab selepas mengikuti kursus. Walaupun terdapat sedikit ketidakpastian dalam aspek kemahiran penulisan dan penterjemahan. Secara keseluruhan, kajian ini mendapati pelajar menunjukkan tahap penguasaan yang positif dan memberangsangkan.

Oleh itu, kajian ini menyimpulkan bahawa kursus bahasa Arab muamalat bukan sahaja relevan dan berkesan, malah berpotensi untuk terus diperkasa sebagai komponen penting dalam pendidikan kewangan Islam di IPT. Penekanan terhadap pendekatan pengajaran yang responsif dan berasaskan aplikasi nyata perlu diteruskan bagi memastikan pelajar bukan sahaja memahami teori, tetapi juga mampu mengaplikasikan ilmu dalam konteks profesional dan industri sebenar.

RUJUKAN

- Abdul Razif Zaini, Noorshamsinar Zakaria, Hasmadi Hamdan, Muhammad Redzaudin Ghazali & Mohd Rufian Ismail. (2019). Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), 47–57. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/4>
- Agus Arwani Yusuf. (2017). The Role of The Arabic Language in Islamic Economy. *ALSINATUNA: Journal of Arabic Linguistics Education*, 3(1), 97-112. <https://doi.org/10.28918/alsinatuna.v3i1.6764>
- Ahmad Farid Fadhli Mustafa & Muhammad Anas Al Muhsin. (2020). Requirements of Learning Arabic Language among Islamic Financial Students. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language (IJHPL)*, 3(9), 24–35. <https://doi.org/10.35631/IJHPL.39004>
- Ahmad Farid Fadhli Mustafa, Muhammad Anas Al Muhsin & Mohd Yahya Mohd Hussin (2019). Keperluan Istilah Arab di kalangan Pelanggan Perbankan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4 (18), 1-11.
- Fakulti Ekonomi dan Pengurusan. (2021). *Buku Panduan Program Akademik Siswazah: Sesi 2021–2022*. Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://fep.ukm.my/siswazah/panduan-2021-2022.pdf>
- Kisno Umbar, Zulkifli & Maswani. (2024). Current Trends in Language for Specific Purposes Research and Their Relevance to Arabic for Specific Purposes (ASP): A Systematic Literature Review. *International Journal of Religion*, 5(5), 1097–1112. <https://doi.org/10.61707/rhfvk271>
- Lazim Omar, Abdullaah Jalil, Ahmad Zubaidi A. Latiff, Mohd Shaifulbahri Abdullah, Abdul Wahid Salleh & Mohd Shahrizal Nasir. (2015). *Arabic For Special Purposes in The Context of Management Studies*. Proceedings of the 1st World Islamic Social Science Congress (WISSC), 1 December 2015, Putrajaya International Convention Centre, Malaysia (pp. 167–195). Universiti Sultan Zainal Abidin. ISBN: 978-967-0899-56-5.
- Mohssen Esseesy. (2017). Arabic for Specific Purposes: Problems and Potentials. In K. M. Wahba, Z. A. Taha, & L. England (Eds.), *Handbook for Arabic Language Teaching Professionals in the 21st Century* (Vol. II, 1st Ed., Pp. 14–29).
- Muhammad Muthi'ul Haqq Fatah Yasin & Abdurashed Olatunji Abdussalam. (2024). Teaching Arabic Language for Muamalat Purpose at The Kolej Universiti Islam Perlis. *Jamalullail Journal*, 3(1), 28–39.
- Mukmin, Nurul Hidayah, Arifah Salma Haya, Nurul Jawahir Md Ali & Abdurrahman Wahid Abdullah. (2025). Determining Arabic Language Proficiency: An Examination of Grammar Mastery, Active Usage and Discipline of Linguistic. *Jurnal Al Bayan: Jurnal Jurusan Pendidikan Bahasa Arab*, 17(1), 178–194. <https://doi.org/10.24042/5tevdz36>
- Munawar Iqbal & Philip Molyneu. (2005). History and Growth of Islamic Banking and Finance. In *Thirty Years of Islamic Banking* (Pp. 55–81). Palgrave Macmillan. https://doi.org/10.1007/978-0-230-50322-9_4

- Nor Zahidah Ahmad & Muhammad Anas (2019). Analisis Keperluan Bahasa Arab untuk Pegawai Shariah di Bank-Bank Islam di Malaysia: Idea untuk Pendidikan 4.0. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(2), 246–257. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v3i2.103>
- Rohmad, Mohd Hairul Azrin Besar, Jamal Abdul Aziz & Ahmad Dahlan. (2024). *The Development of Islamic Finance in Brunei Darussalam and Indonesia*. CV Rizquna. ISBN: 978-623-8608-17-1.
- Roshimi Abdullah, Fathullah Asni & Ku Mohd Syarbaini. (2022). Analisis Tahap Kewajaran Silibus Bahasa Arab di Fakulti Muamalat dan Kewangan Islam (FMKI) KUIPs. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 26(1), 1–14. <https://www.al-qanatir.com/aq/article/view/312>
- Siti Fatimah Mohd Saufi & Zamri Arifin. (2023). Sumbangan Alumni Universiti Timur Tengah terhadap Perkembangan Bahasa Arab di Malaysia serta Cabaran yang Dihadapi. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(2), 201–219.
- Venardos, Angelo M. (2012). *Islamic Banking and Finance in South-East Asia: Its Development and Future* (3rd ed.). World Scientific Publishing. <https://doi.org/10.1142/8172>
- Zamri Arifin, Faizol Azham Mohamed, Mohd. Shukari Hamzah, Salamiah Ab. Ghani & Zainuddin Ismail. (2012). Penilaian semula modul kursus Bahasa Arab di Fakulti Pengajian Islam, Program Eksekutif dan Program Pengajian Berterusan di Pusat Kembangan Pendidikan (PKP), UKM. *Prosiding Seminar Pemantauan Projek Penyelidikan Tindakan/Strategik (PTS) Fakulti Pengajian Islam 2012* (ISBN 978-967-5478-47-5). Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. <http://www.ukm.my/fpipts/online%20proceedings>